

tidak dikehendaki tetapi sementara menantikan merdeka kita menghendaki supaya latihan-latihan diadakan atau diberi kepada orang-orang kita untuk melayakkan dirinya menuju kepada pertamanya dahulu iaitu berpemerintahan sendiri, dan kemudian kepada merdeka yang penuh. Kita asaskan kehendak kita ini kepada peringatan Nabi yang menyatakan lebih kurang maksudnya: Sesuatu pekerjaan kalau diserahkan kepada yang bukan ahlinya maka jagalah kebinasaannya.

* * *

Kolej Islam dan Masyarakat

Umat Islam adalah berterima kasih dan berasa syukur akan adanya atau terdirinya Kolej Islam dengan usaha daripada jawatankuasa-jawatankuasanya yang dipengerusikan oleh Dato' Syed Ibrahim al-Sagoff. Inilah satu-satunya tempat yang menjadi harapan kelak kepada kebangkitan Islam di Malaya kemudian hari. Di sinilah nanti diharap timbul pemimpin-pemimpin Islam yang berdiri dan berjiwa Islam untuk menegakkan kalimah Allah di negerinya di Persekutuan Tanah Melayu. Di sinilah diharap terbentuk jiwa-jiwa tauhid yang tidak akan gentar kepada sesiapa pun juga dan kepada apa pun juga, tidak kepada sesiapa melainkan kepada Allah Subhānahū wa Ta'ālā. Di sini di harap terbentuk jiwa jihad dan jiwa tawakal yang berkepanjangan dan berkekalan untuk selama-lamanya.

Segala puji bagi Allah yang telah melorongkan umat Islam sedar kepada kelemahannya, sedar kepada kerendahannya, sedar kepada kedudukannya yang ada sekarang selalu dengan bergotong-royong menegakkan Kolej Islam dengan cita-cita yang mulia seperti yang tersebut.

Sungguhpun ia telah terbentuk dan mendapat nilai yang tinggi tetapi adalah menjadi suatu pertanyaan bagi kita adakah nilai yang tinggi itu telah tercapai atau dapat dicapai oleh masyarakat kita? Inilah satu soal

yang dari dahulu jadi tanda tanya kepada kita. Kalau melihat daripada pengalaman-pengalaman yang ada dan melihat kepada kejadian-kejadian yang lalu tat kala hendak mengisi kolej itu didapati banyak kelemahan-kelemahan daripada pemuda-pemuda yang bakal mendudukinya. Seimbias lalu hal yang seperti itu tidaklah berapa ertinya tetapi kalau dihitng panjang maka cita-cita kolej yang besar itu akan menjadi keseorangan kerana bakal pengisi-pengisinya bukannya hanya kurang kemampuan tantang kebendaan tetapi banyak yang kurang kemampuan tentang pengetahuan. Kita berkeyakinan yang demikian ini tidak dapat dinafikan. Hal-hal yang serupa ini patut diselidiki dan disiasat oleh jawatankuasa penaja kuliah itu supaya faedah kolej itu merata kepada masyarakat Islam. Kita mengesyor supaya diadakan suatu suruhanjaya kolej untuk menyiasat keadaan-keadaan masyarakat dan keadaan-keadaan pelajaran-pelajaran di sekolah agama serta pertaliannya dengan kolej nanti. Suruhanjaya memberi *report* dan syor apa yang patut dibuat atau dijalankan sebelum kolej itu lancar jalannya.

Kita berpendapat bahawa molek sungguh sekiranya kolej itu mengorbankan masa selama beberapa tahun, 5 tahun umpamanya, untuk dijadikan tempat mendidik guru-guru dengan asasnya menggunakan bahasa Arab. Bentuk ini sangat dalam ertinya sebab seperti di bawah ini:

(1) Daripada menerbitkan guru-guru yang tahu kehendak dan kemahuan masyarakat maing-masing. (2) Menyatukan cara-cara pelajaran kepada murid-murid di serata Tanah Melayu, dan (3) Mengasaskan dasar-dasar pelajarannya di dalam Bahasa Arab yang bakal mudah menghubungkan mereka dengan kolej itu

Pakar-pakar ini sangat perlu. Kita sudah melihat di dalam Semenanjung ini bahawa kaedah-kaedah pelajaran-pelajaran yang dijalankan tidak sama. Kita melihat juga yang mengajar itu bukannya terdidik untuk mengajar (tidak ada normal kelasnya) dan kita melihat pula kaedah-kaedah mengajar dari satu-satu

-sambungan pada muka 47

– sambungan muka 2

pihak tidak sama kerana berlain-lainan tempat aliran pengajarannya misalnya orang-orang yang mengajar dari aliran Mekah dengan aliran Mesir tidak sama. Yang demikian sudah tentu pula menjadi satu kalangan yang payah untuk cita-cita menyatukan pelajaran-pelajaran di Persekutuan Tanah Melayu. Ini lain lagi halnya dengan keadaan guru-guru agama seperti di Johor di Selangor di Perak dan lainnya.

Dengan tidak ada cara-cara atau ikhtiar untuk menyatukan itu diadakan bermakna kita membiarkan kolej itu kelak tidak ada pertaliannya dengan negeri-negeri dan sekolah-sekolah agamanya di Persekutuan Tanah Melayu. Apakah ertinya sesebuah kolej atau universiti kalau tidak ada pertalian di antara yang di bawah dengan yang di atasnya?

Sebab itulah menjadi seperkara yang sangat-sangat dihajati, jika sekiranya tidak kemampuan kita mendirikan sekolah untuk agama maka sudah tempatnya jika kolej itu memberi pengorbanan-pengorbanan yang baik atau pengorbanan yang mustahak untuk kemajuan pelajaran-pelajaran agama pada masa-masa yang akan datang. Kita berharap hal ini mendapat perhatian yang berat daripada penaja-penaja kolej itu supaya kemudian nanti ia berguna. Kita tetap berkeyakinan adalah menjadi satu perkara yang tidak mungkin untuk menyatukan pelajaran-pelajaran agama kalau guru-gurunya tidak diterbitkan daripada satu rumpun yang sama. Langkah ini juga ia tidak akan berubah dalam sehari dua tetapi menghendaki masa yang panjang.



TAHUKAH TUAN?

Bahawa Ali Sastroamidjojo di Indonesia telah berjaya membentuk satu jemaah menteri dengan tidak memasukkan Partai Komunis di dalamnya?

* * *

Bahawa kerajaan Republik Islam Pakistan telah menyatakan kepada perwakilan-perwakilan tidak membenarkan mengadakan perayaan-perayaan rasmi dengan menggunakan minuman-minuman keras yang ditegah oleh Islam.

* * *

Bahawa Partai Komunis di Indonesia terjerit dan berarak meminta supaya ia disertakan dalam jemaah menteri 'Ali Sastroamidjojo.